KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	12/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

SK Balar pula diancam harimau

Pelajar takut haiwan dikesan di tepi pagar asrama

Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Gua Musang: Selepas Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai, di sini diancam serangan harimau sehingga memaksa sesi pembelajaran bersemuka ditangguhkan, kini SK Balar pula berdepan ancaman sama.

Difahamkan, harimau berkenaan dikesan berada di tepi pagar asrama SK Balar semalam sehingga menimbulkan ketakutan kepada pelajar dan penduduk sekitar.

Menerusi status di Facebook yang dimuat naik seorang guru di sekolah berkenaan, beliau memohon orang ramai mendoakan keselamatan mereka.

"Harimau Malaya mari ziarah SK Balar. Doakan kami semoga sentiasa dalam perlindungan Allah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan, Mohamad Hafid Rohani, berkata pihaknya sudah mendapat maklumat berkaitan kewujudan harimau di sekolah itu.

"Kita sudah terima maklumat berkaitan kehadiran harimau di SK Balar. Jarak SK Balar ke Pos Bihai iaitu kedudukan harimau sebelum ini adalah dua jam perjalanan.

"Setakat ini, kita memasang tiga perangkap berkamera di Pos Bihai dan operasi serta pemantauan berterusan dijalankan bagi menangkap harimau terbabit," katanya ketika dihubungi.

Jumaat lalu, seorang lelaki Orang Asli maut dibaham harimau dalam kejadian di Kampung Sau dekat Pos Bihai.

Mangsa yang maut dikenali sebagai Anek Along ketika sedang menumbuk padi huma bersama anak perempuannya di belakang rumah jam 9.10 pagi.

Susulan kejadian itu, sesi persekolahan penggal ketiga 2021/2022 SK Bihai, secara bersemuka yang sepatutnya bermula kelmarin, terpaksa ditangguh.

Sekolah berkenaan dikatakan mengambil pendekatan untuk meneruskan sesi pembelajaran dan pengajaran dari rumah (PdPR).

Berdasarkan surat pekeliling dikeluarkan Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang, pembukaan sekolah secara bersemuka ditangguhkan dan diteruskan secara PdPR.



Seekor harimau dikesan berada di luar pagar asrama Sekolah Kebangsaan (SK) Balar di Gua Musang, semalam. (Foto ihsan pembaca)